

07/05/2003

PM kagumi kejayaan Petronas

KUALA LUMPUR: Kejayaan Petronas dan rakan kongsinya membangunkan Gas Cecair Asli (LNG) membuktikan sektor swasta boleh menjadi alat berkesan yang strategik dalam pembinaan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, usaha itu juga menterjemahkan dasar sosio ekonomi kerajaan menjadi sesuatu tindakan yang konkrit.

Malah, katanya, projek LNG bertindak sebagai penggerak kepada pembangunan berasaskan gas terutama di kawasan Bintulu yang membawa banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

"Malaysia sudah melalui pembangunan yang amat pesat sejak lebih tiga dekad lalu, dengan kejayaannya mengubah ekonomi berasaskan pertanian kepada perusahaan dan yang berorientasikan eksport.

"Dalam tempoh itu, Petronas memainkan peranan yang amat penting dengan berterusan menyokong aspirasi kerajaan untuk mengubah Malaysia menjadi negara membangun sepenuhnya," katanya dalam perutusan sempena perasmian Kompleks LNG bersepadu Petronas (LNG3) di Tanjung Kidurong, Bintulu.

Perdana Menteri yang dijadualkan merasmikan kompleks itu Khamis ini, berkata kompleks LNG Petronas yang agak luas di Bintulu adalah bukti kemajuan unggul dalam program perindustrian negara.

"Pembangunan kompleks di Bintulu ini sebenarnya adalah langkah ke arah yang betul memandangkan jarak dan laluan kepada sumber gas yang besar sekali di luar pantainya.

"Ini menyebabkan pembinaan tiga loji LNG di dalam lingkungan tapak tunggal bagi tempoh 25 tahun dan menjadikan kedudukan Malaysia sebagai salah sebuah pengeluar LNG terbesar dunia dan pembekal yang boleh dipercayai, dengan Bintulu itu sendiri sebagai pengeluar LNG terbesar dunia di lokasi tunggal.

"Ini sudah pasti satu kejayaan. Kompleks LNG membolehkan Malaysia membekalkan 25 peratus keperluan LNG dunia. Ini adalah di sebalik berada pada kedudukan ke-14 terbesar pemilikan rizab gas asli," katanya.

Dr Mahathir melahirkan rasa bangganya melihat perubahan pembangunan Bintulu dalam tempoh cuma 25 tahun, daripada perkampungan nelayan dengan penduduk cuma 5,000 kepada sebuah bandar berkembang maju.

Malah, beliau turut gembira kerana ia juga satu manifestasi kejayaan pelan dan strategi kerajaan untuk menggalakkan pembangunan wilayah yang seimbang serta integrasi nasional lebih baik.

Beliau merakamkan penghargaan kepada pelanggan LNG di Jepun, Korea dan Taiwan yang tanpa sokongan mereka, projek itu sukar untuk dijayakan.

"Tahniah kepada Petronas dan rakan kongsinya kerana pencapaian mereka," katanya.